

21/02/1998

Rakyat sanjung pengorbanan Umno: Yong

Lichong Angkui; Shamsul Kamal Amarudin

KOTA KINABALU, Jumaat - Umno sebagai parti terbesar dan tulang belakang Barisan Nasional (BN), melakukan satu pengorbanan besar dengan menggilirkan jawatan Ketua Menteri di Sabah.

Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee, berkata pendekatan baru itu membebaskan Sabah daripada kebimbangan apabila berlaku perubahan tampuk pemerintahan setiap sembilan atau 10 tahun sekali, yang diikuti kesulitan di kalangan kelompok masyarakat tertentu di negeri ini.

Beliau menyifatkan perubahan tampuk pemerintahan itu sebagai satu 'sumpahan daripada hayunan batu ladung (pendulum)' dalam sejarah politik Sabah.

"Setiap kali batu ladung berhayun dari satu arah ke arah yang lain, maka ia menyebabkan akibat buruk kepada pihak lain," katanya berucap pada Konvensyen BN Sabah yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Yong yang juga Pengerusi BN Sabah berkata, kini wujud budaya politik baru berasaskan kepada nilai kepercayaan, komitmen, disiplin dan kemajuan di Sabah, yang jauh berbeza berbanding suasana politik Sabah sebelum ini.

Di bawah BN Sabah kini, semua kaum mempunyai wakil dalam kerajaan dan kaedah atau cara membuat keputusan secara kolektif sudah menjadi sebahagian daripada budaya politik negeri ini.

"Hakikat ini memang tidak dapat dinafikan. Pemimpin BN telah mula menyedari bahawa di bawah naungan BN, matlamat kita adalah untuk berkhidmat demi kepentingan semua.

"Peranan Umno dalam menjayakan sistem ini adalah satu pengorbanan yang besar dan harus dihargai semua pihak," katanya.

Menurutnya, perkongsian kuasa dapat mewujudkan kestabilan politik dan menjadikan Sabah bergerak ke hadapan secara lebih berkesan untuk menyertai arus pembangunan negara dalam bidang ekonomi, sosial, politik dan bidang pembangunan lain.

"Sekarang ini budaya politik sudah berubah dan telah wujud satu budaya baru dalam politik yang berasaskan kepada nilai-nilai kepercayaan, komitmen, disiplin dan kemajuan," katanya.

(END)